

# 'ASEAN tidak boleh berdiam diri'

Konsensus buat keputusan jadi prinsip utama elak jejas negara serantau

**Manila:** Konsensus membuat keputusan terus menjadi prinsip utama ASEAN, namun ia tidak bermakna kumpulan serantau itu harus berdiam diri berhubung perkembangan di negara anggota yang menjejaskan rantau ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kritikan terhadap ASEAN, khususnya tertumpu kepada dua prinsipnya, iaitu membuat keputusan secara konsensus dan tidak campur tangan.

"Hari ini, membuat keputusan melalui konsensus terus menjadi prinsip utama ASEAN. Bagaimanapun, ini tidak bermakna ASEAN harus berdiam diri mengenai perkembangan di negara anggota yang menjejaskan rantau ini atau khususnya pelanggaran Piagam ASEAN oleh anggotanya sendiri.

"Sebenarnya saya percaya bahawa tidak campur tangan bukanlah satu lesen untuk sikap tidak ambil peduli," katanya dalam ceramah bertajuk '30 Tahun Selepas Kebangkitan Asia: Pengajaran Strategik Buat Asean' di Universiti Filipina, di sini semalam.

Mengenai keperluan untuk menggantung sementara Myan-

mar yang dinyatakannya ketika di lawatan ke Bangkok, baru-baru ini, berkait pencabulan hak asasi manusia secara terang-terangan, Anwar berkata, adalah penting untuk terus berpegang pada satu daripada cita-cita utama ASEAN.

Cita-cita utama berkenaan, katanya, adalah mempertahankan perjuangan keadilan dan kedaulatan undang-undang.

Ketika pertemuan dua hala dengan Presiden Ferdinand Marcos Jr di Istana Malacanang kelmarin, Perdana Menteri meluahkan kebimbangannya berhubung isu Myanmar yang masih belum selesai sehingga turut menjejaskan Malaysia susulan jumlah pelarian dari negara itu yang ramai.

Beliau berkata, jumlah pelarian Myanmar di Malaysia kini melebihi 200,000 orang.

"Presiden (Filipina) mengulangi keperluan konsensus lima perkara, namun saya menyarankan supaya meneroka kaedah baharu bagi memujuk junta Myanmar supaya berusaha dan bekerjasama sebagai satu pasukan dalam ASEAN serta menyelesaikan isu tertangguh.

"Ia tidak boleh dianggap isu

dalam sahaja kerana menjejaskan keselamatan serta kesejahteraan rantau ini," katanya pada sidang media bersama Presiden Filipina sambil menggesa negara anggota ASEAN menjadi rakan kerjasama yang berusaha ke arah kebaikan rakyatnya dalam dunia yang adil dan aman.

Kata Anwar, kerjasama dalam semua perkara penting dalam mengikat negara anggota sebagai kumpulan serantau yang pelbagai hala dan budaya untuk masa depan ASEAN.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Filipina dan rakyatnya atas keberanian mereka dalam perjuangan demokrasi.

"Anda menunjukkan tanpa keraguan bahawa anda mampu menghadapi kuasa yang angkuh dan menunjukkan kepada kami di ASEAN dan seterusnya, bahawa kekalahan dalam masa kesusahan bukanlah satu pilihan.

"Anda sudah menunjukkan bahawa demokrasi bukan slogan semata-mata untuk dibualkan hanya pada masa pilihan raya dan bahawa demokrasi yang digunakan dengan betul, sememangnya memberi kuasa kepada rakyat untuk menentukan masa depan mereka ke arah lebih baik," katanya. BERNAMA